



LEMBAGA PEPERIKSAAN

d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E
Tel : 03-89113800 Emel : exam@niosh.com.my

Tarikh : 01^{hb} Mac 2019

NOTIS EDARAN KEPADA PARA PELANGGAN DAN PUSAT PENGAJAR :

Tuan / Puan,

MAKLUMAN PENANGGUHAN PENGELUARAN SIJIL KELAYAKAN BAGI CALON YANG TELAH LULUS PEPERIKSAAN KOMPETENSI PERUNDANGAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak NIOSH menangguhkan pengeluaran sijil kelayakan bagi calon yang telah lulus peperiksaan kompetensi perundangan bagi tujuan penambahbaikan serta penyelarasan sistem pengeluaran sijil bermula serta merta sehingga tempoh yang akan dimaklumkan kelak. Jangkaan tempoh penangguhan adalah selama 3 minggu.

3. Program peperiksaan kompetensi perundangan yang terlibat adalah seperti berikut :

- i. Pegawai Keselamatan dan Kesihatan
- ii. Penyelia Keselamatan Tapak Bina
- iii. Operator Kren
- iv. Perancah Asas
- v. Penguji Gas Bertauliah Dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung
- vi. Juruteknik Higien Industri 1 (Pemonitoran Kimia)
- vii. Juruteknik Higien Industri 2 (Pemeriksaan, Pengujian Dan Penilaian Peralatan Kawalan Kejuruteraan)
- viii. Pemonitoran Ke Atas Pendedahan Bunyi Bising
- ix. Penaksir Kualiti Udara Dalamam
- x. Doktor Kesihatan Pekerjaan

4. Calon-calon peperiksaan kompetensi perundangan masih boleh menyemak status keputusan peperiksaan di laman web NIOSH.

5. Dengan rendah diri kami memohon maaf di atas kesulitan yang dihadapi kepada para pelanggan kami. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dilakukan dengan menghubungi Bahagian Peperiksaan dan Persijilan melalui talian am **03-89113800** atau **03-87692100**, mesej Whatsapp **019-6668599** atau emel di alamat **exam@niosh.com.my**

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

MEJAR HJ. HANIF BIN MAIDIN (B)

Timbalan Pengerusi
Lembaga Peperiksaan